

SULIT

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.6 (23)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 5 TAHUN 2019**

Tarikh : 29 Mei 2019 (Rabu)
Masa : 10.30 Pagi – 12.48 Tengahari
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan April dan Mei 2019.

3. PERUTUSAN Pengerusi

3.1 YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja MBPJ di atas kerjasama dan komitmen kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu dan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan ('delivery system') yang berkesan dan semangat kerja berpasukan di antara Ahli Majlis dan

1/18



SULIT

warga kerja Majlis. Justeru itu, di dalam menggalas tanggungjawab ini adalah amat penting bagi semua warga kerja dan Ahli-ahli Majlis memahami, menghayati dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan tahap professionalism masing-masing.

3.2 **SKIM REBAT CUKAI TAKSIRAN BAGI PEMILIK RUMAH MESRA ALAM HIJAU BERKARBON RENDAH PETALING JAYA 2019**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menerima pakai Kerangka Kerja Low Carbon Cities Framework yang disediakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (MESTECC) dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) sebagai panduan menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah pada 14 Disember 2010. Susulan itu, pasukan petugas 'Low Carbon Green City of Petaling Jaya' telah ditubuhkan untuk merangka pelan tindakan, dasar dan program yang berkaitan antaranya ialah skim rebat cukai taksiran bagi pemilik rumah mesra alam hijau berkarbon rendah.

Skim insentif dalam bentuk rebat cukai taksiran kepada pemilik rumah yang mesra alam hijau dan mampan di kawasan Petaling Jaya merupakan antara inisiatif yang telah disyorkan dan diluluskan oleh MBPJ pada 28 Julai 2011 untuk pelaksanaan. MBPJ menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di benua Asia melaksanakan skim seumpama ini. Susulan itu, pada November 2013, skim ini telah dianugerahkan 'Green Apple Award' oleh The Green Organisation di London, England.

Skim ini bertujuan menggalakkan penduduk menjalani gaya hidup yang mesra alam seterusnya menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah. Rebate cukai taksiran ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam dan hijau dari segi aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan dan pengangkutan.

Skim ini juga telah dipilih oleh kerajaan Malaysia melalui MESTECC untuk dijadikan sebagai projek rintis pelaksanaan projek 'Green Technology Application For Low Carbon Cities' (GTALCC) yang merupakan projek pembangunan inisiatif teknologi hijau di Malaysia bersama-sama 'United Nation Development Programme' (UNDP) selama 5 tahun. Pemilihan skim rebat ini bertujuan untuk kerajaan persekutuan merangka strategi memperluaskan pelaksanaan inisiatif ini ke seluruh negara.

Menerusi skim ini, rebat cukai yang ditawarkan adalah maksima 100% cukai taksiran tahunan atau RM 500.00 mana yang lebih rendah mengikut peraturan seperti jadual berikut:

Bil	Aspek	Insentif
A	Tenaga	Rebat maksima 40%
1.	Pemasangan solar heater.	20%
2.	Penjanaan tenaga elektrik dengan solar panel ataupun sumber tenaga pembaharuan lain.	20%
3.	Pemasangan sekurang-kurangnya 70% lampu LED dalam rumah/lampu/mentol jimat tenaga.	20%
4.	Penggunaan kelengkapan / peralatan elektrik 5 bintang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia kecuali kipas angin.	20%
5.	Roof Insulation.	20%
6.	Jumlah penggunaan elektrik adalah kurang daripada 112kwatt/jam/kapita/bulan.	25%
B	Air	Rebat maksima 40%
1.	Pemasangan sistem pengumpulan air hujan.	20%
2.	Sistem kitar semula air sisa buangan.	20%
3.	Jumlah penggunaan air kurang daripada 202 liter/kapita/hari.	25%
4.	Alat penjimatan air (kurangkan vol/min).	20%
5.	Pemasangan flush box kurang daripada 6 liter.	20%
C	Sisa Buangan	Rebat maksima 40%
1.	Pengkomposan sisa/pembuatan eco-enzim	25%
2.	Recycle (Pengasingan sisa untuk tujuan kitar semula).	25%
3.	Re-use (Barangan yang digunakan semula).	25%
4.	Reduce of resources (Pengurangan penggunaan sumber).	25%
D	Pengangkutan	Rebat maksima 30%
1.	Memiliki dan menggunakan kereta hibrid/elektrik/ motorsikal elektrik / kereta NGV untuk ke tempat kerja / beriadah.	20%
2.	Menaiki pengangkutan awam / berjalan kaki / menunggang basikal untuk tujuan bekerja dan beriadah.	20%

Bil	Aspek	Insentif
E	Kepelbagaian Biologi	Rebat maksima 30%
1.	Lebih daripada 50% Liputan keluasan rumah adalah lanskap lembut / hijau(landed property).	20%
2.	Significant planting (rumah bertingkat).	20%
3.	Lanskap hijau lembut di hadapan rumah ataupun perimeter planting sekurang-kurangnya 2 meter dan ke atas.	20%

Statistik Skim Rebat Cukai Taksiran Bagi Pemilik Rumah Mesra Alam Hijau MBPJ

Tahun	Jumlah permohonan	Layak menerima rebat	Tidak layak	Rebat 100%	Jumlah Rebat
2011	49	49	-	13	RM18,184.43
2012	71	65	6	15	RM20,159.25
2013	106	57	9	24	RM32,602.85
2014	152	142	10	37	RM47,842.15
2015	148	135	13	18	RM43,664.54
2016	123	111	12	9	RM20,181.60
2017	76	76	-	8	RM20,740.55
2018	619	605	14	96	RM211,005.11

*** Jumlah keseluruhan pemberian rebat dari 2011 hingga 2018 =
RM414,380.48

Sehubungan dengan itu, MBPJ pada 24 Mei 2019 telah melancarkan Skim Rebat Cukai Taksiran Bagi Pemilik Rumah Mesra Alam Hijau Berkarbon Rendah Petaling Jaya Tahun 2019. Borang permohonan boleh diperolehi di kaunter Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam di Tingkat 20, Menara MBPJ atau memuat turun dari laman web rasmi www.mbpj.gov.my. Setiap permohonan akan di nilai oleh panel penilai bebas yang dilantik oleh Majlis. Pemohon yang layak akan menerima rebat yang dikreditkan terus dalam akaun cukai taksiran pemilik rumah pada tahun hadapan. Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Julai 2019.

3.3 HERO HIJAU RAMADAN 2019

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah mengadakan program Hero Hijau Ramadan 2019 sepanjang bulan Ramadan pada kali ini. Ia juga selaras dengan pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC).

Program Hero Hijau Ramadan berobjektifkan menyaran dan menggalakkan para pembeli dan pengunjung bazar Ramadan, membeli juadah makanan dengan membawa bekas makanan sendiri ke bazar Ramadan. Pada masa yang sama, Jabatan juga memasang gegantong bermesej berkenaan penjimatan pembelian makanan secara berhemah dan berwaspada.

Jabatan akan mengenalpasti Hero Hijau Ramadan di kalangan pengunjung. Bagi tujuan ini, tafsiran Hero Hijau Ramadan adalah meliputi orang ramai yang mengunjungi bazar Ramadan dan membuat pembelian dengan kaedah seperti berikut :

- a. Membawa bakul atau beg kitar semula atau bekas makanan sendiri dan yang boleh diguna semula.
- b. Tidak memerlukan apa-apa bungkusan daripada penjaja bagi sebarang pembelian makanan atau minuman yang dibeli.
- c. Tidak menggunakan atau meminta 'single use straw'.
- d. Lain-lain tingkah-laku atau tabiat membeli-belah mesra alam yang ditunjukkan ketika ditemui.

Bagi tujuan pelaksanaan, skuad Hero Hijau Ramadan dikalangan kakitangan Bahagian 3R, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah ditubuhkan. Skuad ini akan melawat Bazar Ramadan di bawah seliaan MBPJ secara berkala mulai jam 4.30 petang sehingga 6.30 petang.

Pengunjung bazar yang dikenal pasti dan boleh dianugerahkan sebagai Hero Hijau Ramadan akan diberikan cenderahati dan dimohon bergambar dengan memegang rangka Instagram prop. Foto setiap pemenang akan dimuatnaik ke dalam laman sosial Majlis sebagai tanda perakuan dan motivasi kepada masyarakat lain. Bagi penjaja pula, keputusan akan diumumkan setelah tamat tempoh bazar Ramadan.

Dengan adanya program ini, ia dilihat dapat memberi kesedaran awam bagi mengubah sikap masyarakat melalui pendekatan komunikasi,

pendidikan dan kesedaran awam atau 'Communication, Education, and Public Awareness' (CEPA).

3.4 MANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menjadikan MyPortfolio sebagai Panduan Kerja Sektor Awam yang telah dikeluarkan oleh MAMPU melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 4 Tahun 2018 bagi menggantikan PKPA Bilangan 8 Tahun 1991 iaitu Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.

MyPortfolio merupakan satu dokumen rujukan rasmi yang mendokumentasikan maklumat pewujudan sesuatu jawatan dan panduan menjalankan tugas bagi jawatan tersebut (menggantikan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja). MyPortfolio juga menyumbang kepada Profil Sumber Manusia dan turut berfungsi sebagai alat pengurusan ilmu.

PKPA ini juga memperkenalkan Deskripsi Tugas bagi menggantikan Senarai Tugas dan memperjelaskan tujuan pewujudan sesuatu perjawatan dengan mengambil kira komponen akauntabiliti, dimensi dan kompetensi yang diperlukan bagi sesuatu jawatan dalam organisasi

MyPortfolio adalah satu kaedah pengurusan ilmu yang memberikan penekanan kepada pengupayaan minda setiap penjawat awam dalam kerangka organisasi berpembelajaran (learning organisation) dan sebagai dokumen rujukan rasmi yang menghuraikan maklumat pewujudan jawatan, proses kerja dan panduan menjalankan tugas bagi jawatan tersebut dalam sesebuah organisasi juga dinyatakan dalam myPortfolio. Ciri-ciri MyPortfolio adalah seperti yang berikut:

- a. MyPortfolio merupakan dokumen rujukan pada peringkat jawatan dan jabatan.
- b. Setiap jawatan dalam sesebuah agensi hendaklah mempunyai MyPortfolio termasuk jawatan yang belum diisi.
- c. MyPortfolio berasaskan bidang tugas dan tanggungjawab jawatan.
- d. MyPortfolio mengandungi maklumat, panduan dan rujukan dalam mengendalikan tugas yang ditetapkan bagi sesuatu jawatan.

3.5 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA

3.5.1 **PENAMBAHBAIKAN KE ATAS PROSEDUR PENUTUPAN DAN PEMBUKAAN PREMIS MAKANAN YANG DIKENAKAN TINDAKAN PENUTUPAN DI BAWAH AKTA/UNDANG-UNDANG KECIL.**

Kebenaran membuka semula perniagaan selepas tindakan penutupan ke atas premis makanan kotor dibawah UUK 62 Undang-undang Kecil Pelesenan Establisyment Makanan (MBPJ) 2007, adalah bergantung kepada tempoh-masa syarat-syarat notis dipatuhi oleh pengusaha premis.

Namun, tindakan pembukaan semula premis ini terutama yang melibatkan tempoh singkat (2- 3 hari selepas penutupan) seringkali menimbulkan persepsi kurang baik ke atas Majlis dan kakitangan yang bertugas apabila pengusaha premis makanan tidak menitikberatkan isu kebersihan dan kesihatan.

Satu pembentangan kertas kerja telah di bantangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan pada 14 Mei 2019. Mesyuarat telah memutuskan akan menggunakan prosedur ini berkuatkuasa 1 Jun 2019. Prosedur baru adalah seperti berikut:

- a. Pada mana-mana keadaan dan masa suatu premis makanan diarahkan tutup untuk kali pertama, pengusaha premis boleh memohon secara bertulis kepada pegawai diberi kuasa untuk tindakan pembukaan oleh pegawai yang diberi kuasa (setelah pegawai berpuashati dengan tindakan pembetulan yang diambil oleh pengusaha premis makanan);
- b. Pada mana-mana keadaan dan masa sekiranya premis tersebut diarahkan tutup untuk kali ke dua (2), tempoh minima penutupan wajib yang dicadangkan ialah tujuh (7) hari sebelum pemeriksaan semula dilakukan oleh pegawai diberi kuasa dan.
- c. Pada mana-mana keadaan dan masa sekiranya premis tersebut diarahkan tutup untuk kali ke tiga (3), tempoh minima penutupan yang dicadangkan ialah empat belas (14) hari sebelum pemeriksaan semula dilakukan oleh pihak diberi kuasa.

Sekiranya suatu premis makanan tersebut telah dikenakan penutupan sebanyak tiga (3) kali, maka di dalam tempoh tersebut

juga Jabatan akan merujuk ke Jabatan Pelesenan untuk cadangan mengeluarkan 'Surat Tunjuk-sebab Mengapa Lesen Tidak Boleh Dibatalkan' kepada pengusaha premis berkenaan.

Kebenaran membuka semula bagi kes penutupan kali ke-3, pengusaha premis perlu mematuhi syarat notis dan memperolehi jawapan kepada maklumbalas daripada Jabatan Pelesenan.

Sekiranya pengusaha premis ingkar serta gagal memberikan maklumbalas surat tunjuk sebab atau rayuannya ditolak oleh Majlis, maka tindakan pembatalan lesen perniagaan ke atas premis makanan tersebut akan diambil.

Sebagai tambahan, bahawa bagi suatu premis makanan yang telah dikenakan sebanyak tiga (3) kali penutupan dan masih berlaku pelanggaran yang serius, maka tindakan pembatalan lesen perniagaan adalah dicadangkan.

3.5.2 PEMANTAUAN BAZAR RAMADAN 2019

Bagi tahun 2019, sebanyak 18 lokasi bazar Ramadan telah diluluskan. Bagi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, terdapat 2 unit Jabatan yang terlibat dalam pemeriksaan bazar iaitu Unit Penguatkuasaan Penjaja dan Peniaga Kecil dan Unit Kawalan Mutu Makanan.

Jabatan akan membuat pemantauan terhadap pematuhan syarat-syarat berkaitan kesihatan dan kebersihan pengendali makanan. Objektif Jabatan adalah untuk memastikan setiap peniaga mematuhi syarat kesihatan bagi menjamin keselamatan, kesihatan awam serta terhindar daripada berlakunya wabak penyakit bawaan air dan makanan. satu lokasi bazar akan di periksa sekurang-kurangnya 4 kali bagi sepanjang tempoh bazar pada tahun ini. Sehingga 24 Mei 2019, sejumlah 611 notis telah di keluarkan kepada peniaga.

3.5.3 KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 20 adalah sejumlah 2681 kes telah dilaporkan. Jumlah ini

menunjukkan peningkatan kes sebanyak 333 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 803 kes. Walaubagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling. Tiada kes kematian terbaru dilaporkan. Lokaliti wabak hotspot yang aktif dilaporkan sehingga ME 20 (18/5/2019) di kawasan pentadbiran Majlis adalah sebanyak 17 lokaliti, manakala hotspot terkini dilaporkan pada ME 21 (21/5/2019) sebanyak 18 lokaliti wabak yang dilaporkan.

3.5.4 PROGRAM SEDAR

Sejak tahun 2014, sebanyak 238 pasukan SEDAR telah ditubuhkan sehingga kini. Pada tahun 2019, sebanyak 9 pasukan SEDAR Komuniti, 4 SEDAR masjid dan 10 SEDAR sekolah telah dijalankan sehingga minggu epid 20/2019.

3.6 KEMPEN BAYARAN KOMPAUN

Sempena dengan Sambutan Ulangtahun Bandaraya yang ke-13 pada tahun ini, Majlis akan mengadakan kempen bayaran kompaun tertunggak dan kompaun semasa bagi kesalahan lalulintas dan tempat letak kereta sahaja dan tidak melibatkan kompaun bagi lain-lain kesalahan. Kempen bayaran kompaun ini juga tidak melibatkan kes-kes kompaun yang telah didaftarkan ke mahkamah.

Kempen ini diadakan bagi memberi peluang dan ruang kepada orang awam untuk membuat bayaran bagi kompaun-kompaun tertunggak dengan kadar yang minima. Kadar bayaran bagi kompaun tertunggak adalah seperti berikut :

TAHUN	KADAR KOMPAUN	CADANGAN KADAR PENGURANGAN KOMPAUN LALULINTAS / TRAFIK
1999 -2016	RM 100.00	RM 10.00
2017		RM 20.00
2018		
2019		RM 30.00

Kempen bayaran kompaun ini akan bermula pada 1 Jun sehingga 30 Jun 2019. Sehubungan dengan itu, orang ramai digesa untuk

menjelaskan semua bayaran kompaun tertunggak melalui semua saluran/kaedah yang digunapakai oleh Majlis.

Hebahan dan promosi kempen ini akan dipergiatkan melalui iklan paparan billboard, media cetak dan medium laman sosial Majlis. Untuk proses semakan kompaun, orang awam boleh memuat turun aplikasi pintar Smart PJ Enforcement, melayari laman sesawang Majlis di www.mbpj.gov.my atau menghubungi talian 03-7958 8085 sambungan 125/126 (waktu pejabat sahaja).

Alhamdulillah, kita semakin menghampiri penghujung Ramadan. Di kesempatan ini, saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua. Beliau juga ingin menjemput kepada semua untuk bersama-sama memeriahkan lagi hari Rumah Terbuka Aidil Fitri Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang akan diadakan pada 20 Jun 2019 (Khamis) bersamaan 16 Syawal 1440. Rumah terbuka Majlis ini akan bermula jam 2.00 hingga 4.00 petang di Stadium Petaling Jaya, Jalan SS7/15, Kelana Jaya.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 4 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020).

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 4 Tahun 2019 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 29 April 2019 disahkan tanpa pindaan.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 4 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 APRIL 2019.

Tiada.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

- 6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 8 MEI 2019.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (91))
- 6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.
- Tindakan : Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, MBPJ.**
- 6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 13 MEI 2019.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (50))
- 6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.
- Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**
- 6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 14 MEI 2019.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (20))
- 6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.
- Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.**
- 6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 15 MEI 2019.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (45))
- 6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.
- Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**
- 6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 MEI 2019.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (18))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 MEI 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (47))

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah, (Sumber Manusia), MBPJ.

6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 30 APRIL 2019 DAN 16 MEI 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 6 (85)) (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 6 (87))

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 MEI 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (18))

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Encik Farhan Haziq bin Mohamed seperti berikut:-

a) Beliau mengemukakan persoalan sekiranya gerai tersebut dirobohkan, apakah cadangan pembangunan di kawasan tersebut?

b) Puan TSU menyatakan bahawa tempat tersebut akan kembali asal iaitu sebagai rezab jalan. Tindakan mencantikkan kawasan tersebut akan dibuat oleh Jabatan Landskap.

SULIT

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 23 MEI 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (56))**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.


Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 Tiada.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.19 pagi. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis, dan semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat pada hari ini.

Beliau turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada yang meraikannya. Kepada yang akan pulang ke kampung halaman, berhati-hati semasa memandu dan semoga selamat sampai ke destinasi masing-masing.


(JOHARY BIN ANUAR) AMS
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 31 Mei 2019

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

01. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Johary bin Anuar, A.M.S.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Zamri bin Mohamad
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.

SULIT

12. Encik Sugumararan a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Loyis anak Uding
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Quratulain Atiqah bt Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Pua Ghin Chu,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Encik Mohamad Shakirien bin Dato' Abd. Razak, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K., (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ
03. Encik Anwar bin Nekhan, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.



05. Encik Leong Chee Cheng, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
02. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
03. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur a/p Pretham Singh, P.P.T., M.R.I.S.M.,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Hj. Hassan. A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,

SULIT

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.

13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
17. Encik Mohd Khairulfaiz Bin Hairuddin,
Wakil Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Szu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
19. Puan Sr. Hajah Saliza binti Mohd Masri, M.R.I.S.M.,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

TURUT HADIR:

01. YB Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.
02. YB Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri,
ADUN Taman Medan.
03. YB Tuan Halimey bin Abu Bakar,
ADUN Seri Setia.
04. Encik Mohd Majeman bin Nyono,
Wakil ADUN Kota Damansara.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,

17/18



SULIT

Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

03. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT